

02/06/2001

Tidak semua saranan Suhakam kena ikut: PM

Magendran Rajagopal

PETALING JAYA, Jumaat - Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang saranan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) berhubung hak Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi memilih rawatan perubatan terhadap kecederaan yang dialaminya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata walaupun Suhakam bebas mengeluarkan pendapat, ia tidak bermakna kerajaan harus menerima pakai semua cadangan itu.

"Itu pendapat Suhakam, tak kan kita semua (kerajaan) terpaksa ambil arahan daripada Suhakam. Kalau begitu, lagi baik dia (Suhakam) ganti kerajaan," katanya dalam sidang akhbar sekembalinya dari Jakarta hari ini, selepas menghadiri persidangan kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G15).

Akhbar hari ini melaporkan kenyataan Setiausaha Suhakam, Kamaruddin Mohamad Baria, yang berkata dari perspektif perubatan, perundangan dan hak asasi manusia, Anwar perlu dibenarkan menggunakan haknya memilih rawatan terhadap kecederaan yang dialaminya.

Dr Mahathir adalah antara tujuh ketua negara atau ketua kerajaan yang menghadiri persidangan dua hari itu yang dipengerusikan Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid, yang lebih dikenali sebagai Gus Dur.

Perdana Menteri menyifatkan kunjungannya ke Jakarta dan perjalanan mesyuarat G15 tidak menghadapi sebarang masalah meskipun kawasan tertentu negara itu bergolak kerana menghadapi rusuhan.

"Walaupun ada masalah, ia terhad kepada kawasan tertentu saja, sama seperti di Malaysia, ada tempat yang berlaku rusuhan tapi tempat lain tenang," katanya.

Mengenai hasil mesyuarat G15, Dr Mahathir berkata beliau gembira kerana semua negara anggota amat serius untuk menangani apa saja masalah dengan cara yang terbaik.

"Saya juga dapat mengadakan mesyuarat G5 iaitu satu badan yang ditugaskan Sidang Kemuncak Selatan Kumpulan 77 (G77) untuk merangka satu cadangan bagaimana hendak menjadikan G77 sebagai badan yang lebih berkesan.

"Kita sudah adakan satu jawatankuasa yang mana Presiden Venezuela, Hugo Chavez, selaku tuan rumah G15 akan datang, diberi tugas menubuhkan satu badan yang boleh menyelaras pelaksanaan semua rumusan yang dibuat G15.

"Selain itu saya sempat bertemu dengan Gus Dur, Presiden Mesir, Perdana Menteri Jamaica dan beberapa ketua negara lain bagi mengadakan perbincangan dua hala," katanya.

Malam tadi, Perdana Menteri sempat mengadakan dialog dengan pelajar dan rakyat Malaysia di sana bagi menjawab pelbagai isu serta persoalan semasa yang dibangkitkan.

Beliau turut menyuarakan rasa gembira terhadap pembukaan pejabat Petronas di Jakarta, yang kini bekerjasama erat dengan syarikat petroleum Indonesia, Pertamina, dalam usaha cari gali di perairan negara itu.

Ditanya mengenai isu Nanyang Press Holdings Berhad yang diambil alih syarikat pelaburan MCA, Dr Mahathir berkata beliau tidak mahu campur tangan kerana itu adalah satu urusan perniagaan yang tidak membabitkan kerajaan.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata kerajaan akan mengkaji saranan Majlis Peguam Malaysia (MPM) supaya Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dimansuhkan.

Semalam, Naib Pengerusi MPM, Roy Rajasingham, meminta kerajaan mengkaji kesesuaian ISA berikutan keputusan kehakiman membabitkan tahanan ISA di Mahkamah Tinggi Shah Alam, Rabu lalu.

Mahkamah Tinggi Shah Alam membebaskan dua aktivis reformasi, N Gobal Krishnan dan Abdul Ghani Haroon, yang ditahan mengikut ISA.

(END)